

06 AUG 2003

Syed Hamid-Rusia (OIC)/I
RUSIA BERMINAT SERTAI OIC

PUTRAJAYA, 6 Ogos (Bernama) -- Rusia berminat untuk menyertai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sama ada sebagai anggota atau pemerhati pertubuhan itu, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, hari ini.

Bagaimanapun, beliau berkata keputusan sama ada hasrat negara itu diterima atau sebaliknya bergantung penuh kepada persetujuan kesemua 56 negara yang menganggotai pertubuhan tersebut.

Syed Hamid berkata hasrat Rusia itu dinyatakan oleh Presidennya, Vladimir Putin yang melakukan lawatan dua hari ke Malaysia, Isnin dan semalam.

Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak OIC ke-10 Oktober ini dan sekaligus mempengerusikan pertubuhan itu.

"Semasa menyambutnya (Putin) di lapangan terbang, beliau telah menyatakan minat Rusia untuk menjadi anggota OIC, sekurang-kurangnya sebagai pemerhati, memandangkan Rusia mempunyai jumlah penganut Islam yang lebih ramai (melebihi 20 juta) berbanding Malaysia.

"Islam juga merupakan salah satu agama rasmi negara itu," kata Syed Hamid kepada pemberita di Kementerian Luar di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata Putin juga menyatakan bahawa masyarakat Islam di Rusia adalah penduduk asal negara itu.

"Saya memintanya membincangkan perkara itu dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan beliau (Putin) menimbulkannya dalam perbincangan dengan Dr Mahathir serta Abdullah (Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi)," katanya.

"Oleh kerana keputusan mengenai status pemerhati dan anggota bergantung kepada keputusan sebulat suara yang perlu dicapai (di kalangan anggota OIC), maka apa yang akan kita (Malaysia) lakukan ialah meminta pandangan anggota OIC lain tentang permintaan Rusia ini," kata beliau.

Ditanya tentang pendirian Malaysia mengenai permintaan Rusia itu, Syed Hamid berkata: "Malaysia tiada masalah berdasarkan usaha untuk meningkatkan kefahaman mengenai Islam dan negara Islam.

"Lagipun, terdapat negara lain dalam OIC yang bukan seratus peratus negara Islam, tetapi diterima menjadi anggota. Saya rasa, berdasarkan perkara itu, mungkin permintaan Rusia wajar diberi perhatian.

"Tapi, kita tidak boleh memutuskan perkara ini dengan sendiri. Ia bergantung kepada pendapat negara lain (anggota OIC)," katanya.

Syed Hamid berkata permintaan Rusia itu dinyatakan oleh Dr Mahathir dan Abdullah pada mesyuarat mingguan Kabinet hari ini.

Menurut beliau lagi, Menteri Luar Rusia, Igor Ivanov juga telah mengutus surat kepada beliau tentang perkara yang sama bulan lepas.

Syed Hamid berkata oleh kerana banyak negara lain turut menyatakan hasrat mereka untuk menjadi pemerhati dan anggota OIC, maka beliau berpendapat OIC perlu memberi perhatian terhadap perkara itu.

Sebelum ini, China dan India turut menyatakan hasrat untuk menyertai pertubuhan tersebut.

Terdahulu, Syed Hamid menerima sumbangan berjumlah RM100,000 daripada enam pertubuhan dan sektor swasta bagi membiayai pembinaan sebuah masjid di Kampuchea oleh Yayasan Belia Malaysia.

Antara penyumbanganya ialah Restoran Nasi Kandar Subaidah (M) Sdn Bhd dan Talam Corporation, yang masing-masing menderma RM30,000.

Masjid berkenaan akan dibina bagi memenuhi keperluan 240 keluarga Islam dekat Sihanoukville, kira-kira 150km dari Phnom Penh.

-- BERNAMA
HK TS SP MOZ